

09 MAY 2002

Bosnia-Pelajar (Bergambar)/I

BOSNIA PERLUKAN BANTUAN MALAYSIA DALAM BIDANG PENDIDIKAN

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Bosnia-Herzegovina memerlukan bantuan dalam pelbagai bidang daripada Malaysia bagi membangunkan semula negara itu setelah keadaan politiknya kini kembali stabil, kata Mufti Bosnia-Herzegovina Dr Mustafa Ceric hari ini.

Beliau berkata antara bantuan yang amat diperlukan oleh negaranya ialah dalam bidang pendidikan.

"Lebih banyak tempat patut diberi kepada pelajar Bosnia di universiti tempatan terutama di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia agar ilmu yang mereka perolehi di negara ini boleh digunakan kemudiannya bagi menolong membangunkan Bosnia," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan presiden UIAM Tan Sri Sanusi Junid dan Rektor universiti itu Prof Dr Mohd Kamal Hassan, di kampus UIAM di sini.

Dr Mustafa yang diiringi Duta Bosnia ke Malaysia, Hajrudin Somun, turut menemui para penuntut Bosnia yang melanjutkan pelajaran di universiti berkenaan.

Sebanyak 80 pelajar Bosnia sedang menuntut dalam pelbagai jurusan di UIAM manakala 99 orang lagi telah tamat pengajian sejak 1996.

Dr Mustafa berkata, Malaysia, melalui dutanya ke Bosnia, Zakaria Sulong, telah memberi banyak bantuan kepada Bosnia terutama dalam pembinaan masjid dan rumah.

Ahli-ahli perniagaan Malaysia pula telah menjalin gandingan perniagaan dengan rakan sejawatan mereka di Bosnia.

Beliau melahirkan penghargaan kepada kerajaan Malaysia, khususnya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang begitu bersungguh-sungguh membantu Bosnia.

"Rakyat Malaysia boleh berbangga dengan apa yang telah mereka lakukan untuk Bosnia," katanya.

Dr Mustafa juga berkata beliau gembira melihat perpaduan yang wujud antara kerajaan (Umno) dan Pas semasa menandatangani deklarasi bersama berhubung isu Palestin.

Mengulas persefahaman yang ditunjukkan oleh kedua-dua parti itu semasa menandatangani deklarasi berkenaan, beliau berkata negara Islam lain patut mencontohi kesepakatan yang dicapai antara kerajaan dan pembangkang di Malaysia.

Malam tadi, Umno dan Pas menandatangani deklarasi bersama yang menyeru masyarakat antarabangsa supaya mencari penyelesaian politik bagi sengketa antara Palestin dan Israel.

Ia ditandatangani oleh Dr Mahathir dan Presiden Pas Datuk Fadzil Noor dalam satu perhimpunan khas di Dewan Bahasa dan Pustaka yang turut dihadiri pemimpin-pemimpin tertinggi lain dari kedua-dua parti itu.

-- BERNAMA

HM AHH SP MAI